

Headline	TNB meterai perjanjian solar berskala besar		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	17 Mar 2017	Language	Malay
Circulation	171,663	Readership	563,000
Section	Ekonomi	Page No	19
ArticleSize	86 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 5,145		



TNB meterai perjanjian solar berskala besar

KUALA LUMPUR 16 Mac -Tenaga Nasional Bhd. (TNB) telah meterai perjanjian pembelian tenaga (PPA) solar berskala besar (LSS) dengan anak syarikat Mudajaya Group Bhd, Sinar Kamiri Sdn. Bhd.

TNB dalam makluman kepada Bursa Malaysia hari ini memberitahu, Sinar Kamiri akan mereka bentuk, membina, memiliki, mengendalikan dan menyenggara satu kemudahan tenaga solar fotovoltaan yang mampu menjana 49 megawatt di Sungai Siput, Perak.

Sinar Kamiri adalah anak syarikat yang dimiliki sepenuhnya oleh Mudajaya RE Sdn. Bhd., subsidiari tidak

langsung milik penuh Kumpulan Mudajaya melalui anak syarikat milik sepenuhnya, Mudajaya Energy Sdn. Bhd.

PPA itu mempunyai jangkaan tarikh operasi komersial pada 31 Ogos 2018, mentadbir obligasi pihak-pihak terbabit untuk men-



jual dan membeli tenaga yang dijana oleh kemudahan terbabit bagi tempoh 21 tahun dari tarikh operasi

komersial selaras dengan terma dan syarat dipersetujui.

Ini merujuk kepada langkah bidaan saingan LSS oleh Suruhanjaya Tenaga pada 2016 untuk membangunkan antaranya, projek LSS penghantaran-disambungkan. - **BERNAMA**